



**PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

TEKS UCAPAN

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

SEMPENA

**PROGRAM NUR RAMADAN
PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

15 MAC 2024

**DEWAN SERI SIANTAN
KOMPLEKS PERBADANAN PUTRAJAYA**

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

المحمد لله رب العالمين،

والصلاة والسلام على

سيدنا محمد أشرف

المرسلين، وعلى آله

وصحبه أجمعين

Yang Berbahagia

Dato' Indera Noridah Abdul Rahim

Ketua Pengarah

Jabatan Wilayah Persekutuan

Yang Berbahagia

Dato' Townplanner Fadlun Mak Ujud

Presiden, Perbadanan Putrajaya

Yang Berusaha

Tuan Haji Rithuan Haji Mohd Ismail

Ketua Pegawai Eksekutif

Perbadanan Labuan

Yang Berusaha

Encik Azri Iberahim

Pengurus

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
Cawangan Putrajaya

Yang Berbahagia

Datuk Ahmad Faisal Abdul Karim

Pengerusi

Majlis Perwakilan Penduduk Putrajaya

Yang Berusaha

Encik Mohamad Amirul Amin (PU Amin)

Panel Tazkirah Program Nur Ramadan
Wilayah Persekutuan

Timbalan-timbalan Ketua Pengarah, Jabatan
Wilayah Persekutuan

Ketua-ketua Agensi

Naib-naib Presiden Perbadanan Putrajaya

Pengurusan Kanan JWP dan PPj

Para penerima sumbangan Nur Ramadan
Wilayah persekutuan Putrajaya

Serta tuan-tuan dan puan-puan yang
dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan rahmatNya kita semua dapat bersama-sama pada hari ini di Program Nur Ramadan Wilayah Persekutuan Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya yang merupakan program sulung Nur Ramadan pada tahun ini.
2. Terima kasih saya ucapkan kepada semua yang dapat hadir ke Dewan Seri Siantan pada petang ini. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Ramadan Kareem kepada semua hadirin hadirat yang hadir ke program ini. Semoga Ramadan pada kali ini memberi seribu

rahmat kepada kita semua dengan lebih mendekatkan diri kita kepada Allah Azza Wa Jalla.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

3. Bulan Ramadan merupakan bulan yang diberikan banyak kelebihan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Bulan yang penuh dengan keberkatan dan kemuliaan ini menjadikan segala amalan dan kebaikan kita dibalas berlipat kali ganda oleh Yang Maha Esa.

4. Saya ingin kongsiikan satu sabda Ar Rasul SAW iaitu: “Telah datang kepadamu bulan Ramadan, bulan keberkatan, Allah SWT mengunjungimu pada bulan ini dengan menurunkan rahmat, menghapus doadosa dan mengabulkan doa. Allah SWT melihat berlumba-lumbanya kamu pada bulan ini dan membanggakanmu kepada para malaikat-Nya, maka tunjukkanlah kepada Allah SWT hal-hal yang baik dari dirimu, kerana orang yang sengsara ialah yang tidak mendapatkan rahmat Allah SWT di bulan ini” (Hadis Riwayat At-Tabrani).

5. Atas ibrah hadis tersebut, banyak amalan yang boleh kita semua lakukan untuk mengubah diri menjadi lebih baik daripada sebelum ini. Rebutlah peluang ini dengan mengejar keberkatan dan mencari keredaannya.

6. Perbanyakkan berdoa kepadanya agar sentiasa diberi kekuatan dan semangat yang tinggi dalam memulakan langkah mengerjakan amal ibadah pada bulan penuh barakah ini.

**PROGRAM NUR RAMADAN
MENYANTUNI WARGA WILAYAH
PERSEKUTUAN**

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

7. Program Nur Ramadan Wilayah Persekutuan ini merupakan tradisi tahunan Jabatan Wilayah Persekutuan atau JWP dan agensi-agensi di bawahnya sejak tahun 2010 lagi yang dilaksanakan secara kerjasama strategik dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan atau MAIWP bagi menyantuni mereka yang memerlukan, terutamanya golongan asnaf, OKU, warga emas, ibu tunggal dan anak-anak yatim.

8. Selaras dengan ikhtiar kebijakan Malaysia MADANI yang menekankan aspek 'Ihsan', program Nur Ramadan ini menjurus kepada hasrat Kerajaan

untuk membantu golongan yang memerlukan dengan memberi fokus kepada kesejahteraan dan kebajikan warga Wilayah Persekutuan, di samping memupuk nilai kasih sayang dalam kalangan komuniti Wilayah Persekutuan selari dengan #WilayahPersekutuanKita.

9. Secara keseluruhannya, penganjuran program Nur Ramadan pada tahun ini bakal menyantuni seramai 5,500 penerima sumbangan dari ketiga-tiga Wilayah Persekutuan.
10. Terima kasih saya ucapkan kepada MAIWP atas sumbangan wang zakat untuk disumbangkan kepada golongan

yang memerlukan, dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM1.1 juta, melibatkan RM 140,000.00 untuk Putrajaya, RM 660,000.00 untuk Kuala Lumpur dan RM 300,000.00 untuk Labuan.

11. Saya difahamkan juga, jumlah keseluruhan penerima sumbangan sempena Program Nur Ramadan di Putrajaya hari ini adalah seramai 700 orang mengikut 8 golongan asnaf seperti ketetapan Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan.
12. Mudah-mudahan dengan sumbangan ini dapat memberi keceriaan dan serba sedikit meringankan beban para

penerima, khususnya dalam menyambut bulan Ramadan pada tahun ini. Insya-Allah.

KEMERIAHAN RAMADAN DI PUTRAJAYA

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

13. Di kesempatan ini, saya ingin menzahirkan penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Perbadanan Putrajaya di atas penganjuran Festival Ramadan Putrajaya 2024 yang sedang berlangsung di sekitar Kompleks Perbadanan Putrajaya ini.

14. Dua hari yang lepas saya berkesempatan untuk singgah ke Bazar Ramadan Presint 3 bagi meninjau perjalanan dan sambutan bazar tersebut. Alhamdulillah, saya lihat suasana yang meriah dengan pengunjung yang ramai.

15. Saya difahamkan, penganjuran tahun ini telah memperkenalkan juga pembaharuan dengan memperluaskannya kepada 5 lokasi Bazar Ramadan yang melibatkan 700 penjaja dan peniaga kecil, termasuk Bazar Ramadan Rahmah di Presint 14 serta 1 lokasi Bazar Aidilfitri yang melibatkan 250 peniaga dan usahawan.

16. Ini secara tidak langsung akan memberi kemudahan dan pilihan kepada pengguna, serta dapat menawarkan lebih banyak peluang kepada penjaja, peniaga kecil dan usahawan untuk menjana pendapatan dan memajukan lagi perniagaan mereka.

17. Ini lah antara komitmen di pihak Kerajaan khususnya di Jabatan Wilayah Persekutuan untuk memastikan rakyat mendapat manfaat dari setiap perkara yang dilaksanakan, termasuk dari penganjuran Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri ini.

SUMBANGAN AKTIVITI PENGIMARAHAN MASJID KEPADA MASJID TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

18. Selain kemeriahan di Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri, pengimaran aktiviti kerohanian juga tidak boleh kita kesampingkan.

19. Sehubungan itu, saya ingin mengumumkan bahawa Jabatan Wilayah Persekutuan telah bersetuju untuk menyumbangkan sejumlah RM 4,000.00 kepada Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin atau lebih dikenali

dengan Masjid Besi untuk tujuan aktiviti pengimarahannya Ramadan.

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

20. Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan program Nur Ramadan pada kali ini.

21. Dengan lafaz mulia Bismillahirrahmanirrahim, dengan ini saya merasmikan Program Nur Ramadan Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.